

21/05/1998

Universiti elit bukan jaminan terbaik

Mohd Shah Abdullah

UMUM mengetahui fungsi asas universiti adalah untuk membekalkan ilmu pengetahuan kepada pelajar. Sebuah universiti juga menjadi medan pertembungan idea, pemikiran, gagasan dan wacana kritis serta kreatif di kalangan warganya. Guru atau pensyarah mengajar ilmu manakala murid menerima ilmu sekali gus membolehkan wujudnya suasana pertumbuhan budaya ilmu.

Begitu juga universiti, seharusnya giat menjalankan penyelidikan sama ada penyelidikan asas atau gunaan. Hasil penyelidikan itu pula kadangkala digunakan (dibeli) oleh pihak di luar universiti termasuk syarikat swasta atau korporat. Bahkan, ahli politik, pentadbir atau pembuat dasar boleh turut sama memanfaatkan dan mengguna pakai hasil penyelidikan sarjana universiti.

Tidak timbul perdebatan sama sekali mengenai prinsip dan tanggungjawab pokok bagi mana-mana universiti sama ada universiti itu mahu dikategorikan bertaraf kelas satu, dua atau tiga. Memang elitis atau tidaknya sesebuah universiti untuk disenaraikan menduduki ranking terbaik, baik dan sederhana dipengaruhi berasaskan kriteria tertentu seperti kualiti pengajaran, pengambilan pelajar dan tahap penyelidikan. Namun, tidak terkecuali juga kadangkala ia dipengaruhi dan berbaur dengan persepsi kita.

Lalu, ada yang membuat ijmak kononnya universiti seperti Cambridge dan Oxford di United Kingdom (UK); Harvard, Yale dan Berkeley atau kelompok universiti bertaraf Ivy League di Amerika Syarikat dikatakan terbaik, terkemuka, tersohor, terbilang dan cukup berwibawa. Inilah tempat yang seharusnya menjadi buruan ibu bapa jika mahu menghantar anak mereka belajar, mencari tempat paling elitis sekali gus mampu melanjutkan tradisi yang dikatakan serba serbinya elit. Pedulilah kalau yang diwarisi kelak faham kebendaan barat, melanjutkan westernisasi dan hedonisme, lebih hodoh kehilangan jati diri dan budaya bangsa.

Pandangan yang sama dikongsi ramai orang, malah tokoh sehebat Datuk Abdullah Ahmad (bekas Ahli Parlimen, wartawan dan kini wakil khas Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) nampaknya turut melanjutkan ketaksuban dan menjadi pengkagum luar biasa dengan kehebatan universiti ternama dunia itu. (Lihat The Sunday Sun, 17 Mei). Begitulah sekurang-kurangnya kesimpulan kita, betapa Abdullah Ahmad yang tidak mahu menuntut sebarang apologi terhadap elitisme kononnya ia sesuatu yang tidak boleh dikompromi.

Rencana beliau lah reputasi atau kelompok universiti ternama seperti Cambridge, Oxford (kini Imperial College di South Kensington sudah memotong kedudukan Oxford di tempat kedua) atau segugus universiti ternama bertaraf Ivy League di Amerika itu.

Bagaimanapun, kita tidak pula bermaksud untuk menyanggah keseluruhan penghujahan beliau dalam rencananya itu kerana seperti katanya, sesetengah universiti terbaik di Amerika bukan saja menawarkan sistem pendidikan lebih anjal, kualiti pengajaran dan penyelidikan bermutu, malah disokong kemudahan pembiayaan pengajian dengan dana kewangan cukup besar. Kebenaran hujah ini bagaimanapun harus dikait sama dengan sejarah serta tradisi pendidikan tinggi di UK dan Amerika yang jauh lebih terkehadapan berbanding di Malaysia atau kebanyakan negara maju lain.

Namun, Abdullah gagal untuk melihat keupayaan sesebuah universiti yang sebenarnya juga terbatas. Betapa keperluan membekalkan ilmu oleh sesebuah

universiti sebenarnya turut terikat kepada sesuatu disiplin atau cabang ilmu dan pengkhususan. Sesebuah universiti walau sehebat mana reputasinya mungkin baik dalam sesuatu bidang atau jurusan ilmu tetapi ia tidak semestinya menggambarkan keseluruhan bidang pengajian yang ditawarkan oleh semua fakultinya.

Apakah untuk mengikuti pengajian ijazah pertama dalam bidang seperti sastera, sejarah, falsasah, sosiologi dan sains politik, ibu bapa atau kementerian perlu mengirimi seramai mungkin pelajar Malaysia ke Oxford atau Cambridge atau universiti terkemuka di Amerika? Sebenarnya bidang yang disebut itu sudah memadai dipelajari di universiti tempatan saja seperti Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Tidak perlulah ibu bapa berlumba-lumba mengirimi anak untuk belajar sejarah dan falsafah ke Cambridge semata-mata untuk mengejar reputasi.

Malangnya, tokoh sehebat Abdullah tidak sempat untuk meletak dan menilai kedudukan universiti tempatan kita dengan neraca pertimbangan keadilan akademik (sekurang-kurangnya dengan melihat beberapa disiplin akademik, kaedah pengajaran dan tenaga akademiknya) kerana menganggap ia mungkin hanya bertaraf kelas kedua atau ketiga, cukup sekadar bagi menampung anak petani dan penoreh getah atau pegawai kerajaan. Malah, beliau tidak sempat pun untuk melihat dan membuat perbandingan dengan kemunculan universiti swasta baru seperti Universiti Telekom, Universiti Maya dan Universiti Komanwel di Malaysia. Ini tidak termasuk program berkembar universiti tempatan dengan universiti terpilih di luar negara.

Perhatikan hujah Abdullah Ahmad lagi, betapa pelajar tidak boleh mengimpikan pendapatan untuk memiliki 'Rolls Royce' melainkan mereka pulang dengan pencapaian akademik cemerlang. Tiada siapa mampu tinggal di Bukit Tunku; Damansara Heights; Lingkungan Diplomatik U-Thant; Ukay Heights dan mana-mana kawasan kediaman berprestij seperti di Bandar Siber jika hanya memperolehi pendapatan untuk melayakkannya memakai Proton Perdana atau Honda.

Inilah gambaran segelintir mentaliti elit borjuis kita yang masih berpengaruh. Seolah-olah pendidikan tinggi hanya untuk menempah kekayaan peribadi dan meraih status sosial, menggambarkan betapa gagasan yang terkandung dalam Revolusi Mental, karya Senu Abdul Rahman masih wujud dan meninggalkan pengaruh sampai sekarang.

Pandangan seperti ini mesti ditangkis dan dikritik habis-habisan kerana pendidikan bukan sekadar untuk melahirkan segelintir elit borjuis mengikut fahaman dan tanggapan Abdullah. Pendidikan seharusnya melahirkan generasi ilmunan yang mewakili suara hati umat dan rakyat terbanyak.

Rakyat terbanyak ini sama ada mereka yang tinggal di Kampung Kerinci, Kampung Datuk Keramat atau Baling, Kedah dan Gua Musang, Kelantan selama ini sudah banyak berjasa menentukan sebuah kerajaan kukuh, stabil dan berpengaruh. Memang banyak bukti menunjukkan penghuni kawasan elit yang disebut Abdullah itu seringkali 'berpaling tadah' apabila tiba musim pilihan raya umum. Malah beliau sendiri yang kononnya berkelulusan universiti paling berprestij di UK hanya menang bertanding di kerusi Parlimen Kok Lanas ketika Kelantan di bawah kerajaan Barisan Nasional (BN)!

Kepemimpinan negara di bawah teraju Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, seorang graduan perubatan Universiti Singapura dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim (lulusan Pengajian Melayu Universiti Malaya) sudah membuktikan tanpa menyertai mana-mana universiti terpilih sama ada di UK atau Amerika mereka mampu membawa negara ke arah kemajuan dan pembangunan pesat. Ironinya, di sebuah negara Islam, bekas Perdana Menteri adalah lulusan Universiti Oxford tetapi di situlah rasuah paling berleluasa dan demokrasi berkecamuk.

(END)

